



berkongsi pengalaman dalam perniagaan.

Berbekalkan sedikit pengetahuan dan minat untuk mencuba, Ikon Varsity BH (Keusahawanan) itu tekad meneruskan perniagaan dengan mendaftarkan syarikat Azwan Dot Com Enterprise di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebelum menghantar permohonan dan merangka pelan perniagaan bagi menyertai Program Siswa Niaga anjuran UMP.

Katanya, rezeki mula bertapak sekitar 2011 apabila pihak universiti meluluskan permohonan berniaga di Ruang Siswa Niaga dalam kampus berdekatan asrama dan kafeteria.

"Dengan modal RM10,000 iaitu menggunakan wang simpanan RM2,000 dan baki saya meminjam daripada kedua-dua ibu bapa, saya memulakan perniagaan yang menawarkan perkhidmatan menjual, membaiki pulih barangan teknologi maklumat (IT) dan perkhidmatan mencetak. Alhamdulillah, perniagaan berjalan lancar apabila mampu meraih pendapatan RM15,000 dalam tempoh tiga hingga empat bulan beroperasi.

Pupuk disiplin

"Kini saya mampu tersenyum apabila impian bergelar usahawan muda menjadi kenyataan. Biar pun sibuk dengan tuntutan sebagai mahasiswa, saya cuba menguruskan masa sebaiknya agar tidak membantutkan urusan perniagaan yang memerlukan saya sering berulang-alik ke luar negara khususnya ke China," katanya.

Yakin dengan apa yang dicapai hari ini berkat sokongan ibu bapa, Azwan tetap berhati-hati dan bersedia mendepani cabaran mendatang selain ingin memastikan perniagaannya terus berkembang.

Beliau yang dibantu tujuh rakan lain menguruskan perniagaan turut mengaplikasikan pendekatan sama diberikan ibu bapanya dengan aspek disiplin dan komitmen kerja bagi memastikan kejayaan berterusan perniagaannya itu.

"Prinsip saya mudah, kita perlu bijak berkomunikasi, berunding dan mesti berjaya kental kerana dalam perniagaan, cabarannya tidak terhenti dan kita mesti kuat dan kental untuk terus kita menapak ke depan," katanya yang mengagumi tokoh usahawan Islam berjaya, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhari.

Azwan usahawan contoh

» Ikon Varsity Kategori Keusahawanan mampu berjaya dalam perniagaan meskipun masih menuntut

seperti kepimpinan dalam perusahaan dan pembinaan kumpulan atau syarikat yang kukuh," katanya.

Bantuan pelbagai pihak

Modul berkenaan mengajar mahasiswa mengenai proses pengurusan, strategi dan sasaran pasaran, kewangan dan produksi untuk memberi kefahaman kepada mahasiswa mengenai bidang ini. Beberapa tokoh usahawan berjaya turut diundang

Oleh Mimi Rabita Abdul Wahit
bhvarsiti@bharuan.com.my

kecil tanpa terlalu bergantung kepada ibu bapa dan inilah menjadi kekuatan kepada saya menceburkan diri dalam perniagaan," katanya yang bakal meneruskan pengajian sarjana muda dalam bidang komputer.

Memanfaatkan IT

Mula berjinak dalam perniagaan dengan menjual peralatan komputer, penerima Anugerah Ikon Varsity BH 2012 kategori keusahawanan itu memanfaatkan penggunaan laman media baharu termasuk Facebook dan talian intranet UMP (e-Community) bagi membolehkan perniagaannya berkembang dan dikenali ramai.

Katanya, pengetahuan dalam bidang komputer ditambah kebolehan menguasai bahasa Mandarin memudahkannya melakukan urusan tawar-menawar dengan pembekal bagi membawa masuk aksesori dan keperluan perniagaan dari China.

"Saya mempunyai kebolehan berbahasa dan kelebihan ini memberi keyakinan untuk saya berkomunikasi dan berdepan dengan orang ramai. Bakat ini disedari ketika saya menyertai Kelab Orator UMP dan mengambil bahagian dalam pertandingan debat.

"Saya juga banyak mempelajari teknik menguruskan perniagaan dengan mengikuti Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS) anjuran Unit Keusahawanan UMP bagi mempelajari pelbagai ilmu mengenai selok-belok menguruskan perniagaan yang menekankan aspek keusahawanan



Berstatus mahasiswa Diploma Sains Komputer dan Kejuruteraan Perisian, Universiti Malaysia Pahang (UMP) bukan halangan bagi Azwan Affandi Md Jahaya, 21, menggapai impian bergelar usahawan muda.

Berjaya menerajui syarikat Azwan Dot Com Enterprise, Future Dot Com dan Asia Komuniti, masing-masing beroperasi di UMP Kampus Gambang, UMP Pekan dan Kolej Komuniti di seluruh Malaysia, pencapaiannya itu cukup mengagumkan rakan seusiaanya.

Lahir dalam latar belakang keluarga yang berkecimpung dalam dunia perniagaan menjadi kekuatan kepadanya menempuh cabaran jatuh bangun dalam menguruskan perniagaan yang diminatinya sejak kecil.

"Saya dibesarkan dalam keluarga yang menekankan aspek disiplin dan sentiasa bekerja kuat dalam melakukan apa saja. Kami perlu berusaha dan berdikari sejak